

BN konsisten perjuang Islam
Utusan Online
24 April, 2013

KUALA LUMPUR 23 April - Tanda tanya mengenai ideologi politik Mufti Perlis, Dr. Juanda Jaya akhirnya terlerai apabila beliau secara terbuka mengakui, Barisan Nasional (BN) merupakan parti politik pilihannya sejak dahulu lagi.

Bahkan, pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang akan berlangsung pada 5 Mei ini juga, beliau akan terus memangkah BN.

Juanda menyifatkan, BN merupakan parti yang memperjuangkan Islam termasuk perundangan syariah secara konsisten di negara ini.

Menurut beliau, berbeza dengan parti Pas yang mengaku memperjuangkan Islam tetapi tidak ada bukti yang menterjemahkan perjuangan sebenar parti berkenaan.

Sebaliknya, Juanda menegaskan, kerajaan BN yang kononnya didakwa tidak tahu agama telah mengangkat martabat Islam sepanjang mentadbir negara selama ini.

"Pada saya undi adalah rahsia. Tapi saya dari dahulu mengundi BN kerana parti inilah yang sebenarnya memperjuangkan Islam.

"Puak sana (Pas) yang kata nak buat hudud tapi sampai sekarang belum. Rotan apa yang akan digunakan untuk laksana hudud pun belum diputuskan," kata Juanda dalam nada sinis.

Beliau berkata demikian di Flat Sri Melaka di Bandar Tun Razak di sini malam semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Presiden Jalur Tiga (Jati), Datuk Dr. Hasan Ali dan calon BN Bandar Tun Razak, Tan Kok Eng.

Sebelum ini, Juanda disebut-sebut akan menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan seterusnya bertanding dalam PRU-13 dengan kerusi tumpuan di Parlimen Kangar.

Beliau sendiri tidak mengesahkan kesahihan desas-desus itu menyebabkan tercetus pelbagai spekulasi mengaitkan beliau dengan parti pembangkang.

Pada masa sama, beliau mengingatkan rakyat untuk berfikir sedalam-dalamnya jika mahu menukar atau mengubah kerajaan yang selama ini telah berjaya mentadbir negara dengan baik.

Menurut Juanda, tidak semestinya perubahan yang dibuat itu lebih baik daripada kerajaan sebelum ini seperti mana yang terjadi di negara Arab seperti Iraq dan Mesir.

"Saya tidak kata kerajaan BN ini sempurna, adalah sedikit-sebanyak kekurangan tetapi adakah disebabkan itu mahu ditukar dengan pihak yang diyakini tidak mampu mentadbir secara adil.

"Sepatutnya perubahan itu perlu bermula daripada diri sendiri dan jika ada kekurangan kerajaan sekarang kita rakyat sama-sama tegur. Tidak perlu ubah kerajaan," ujarinya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130424/px_46/BN---konsisten-perjuang-Islam#ixzz2ZtPAOylP

© Utusan Melayu (M) Bhd